

21/05/2002

Keadilan tunggu masa untuk berkubur

Noor Jaafar

KONVENSYEN sehari Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Terengganu, Sabtu lalu (18 Mei) memberi petunjuk jelas parti itu kini tidak akan bertahan lama kerana sokongan dan keyakinan orang ramai terhadapnya semakin terhakis.

Ini dapat dilihat dengan jelas apabila konvensyen yang dirasmikan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Planetarium Pusat Dagangan Terengganu hanya mampu menarik segelintir pemimpin dan ahli yang tidak mampu mencecah 100 orang.

Kekurangan sokongan dan ditambah pula tindakan Pas meminggirkan pemimpin dan ahli parti itu daripada menduduki jawatan penting pada peringkat negeri serta daerah, terus membantutkan perkembangan parti yang ditubuhkan untuk kepentingan kelompok tertentu saja.

Keadilan yang banyak membantu Pas sehingga memenangi dua negeri pada pilihan raya umum 29 November 1999, seolah-olah tidak lagi dihargai Pas, termasuk tidak memberi jawatan penting dalam pentadbiran di peringkat negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kampung seperti ahli Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) dan jawatankuasa masjid.

Dr Wan Azizah menyatakan ketiadaan DAP dalam pakatan pembangkang yang dinamakan Barisan Alternatif (BA) menjejaskan peluang parti itu untuk memenangi pilihan raya umum akan datang.

Kedudukan Umno dan BN yang semakin kukuh dan mantap selepas memenangi lima pilihan raya kecil lalu, akan menjejaskan keyakinan rakyat untuk terus mengundi pakatan itu dalam pilihan raya umum yang diramalkan tahun depan.

Pada pilihan itu BN menang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang, Likas, Indera Kayangan, Ketari dan Parlimen Teluk Kemang.

Pada pilihan raya umum lalu, pakatan pembangkang itu memenangi 42 kerusi Parlimen iaitu Pas 27 kerusi, DAP (10) dan Keadilan (lima).

Ketiadaan DAP dalam pakatan pembangkang pada pilihan raya umum akan datang tentu menjejaskan peluang pakatan itu yang kini hanya dianggotai Pas, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia untuk mengekalkan jumlah kerusi yang dimenangi, sekali gus kekal memerintah Kelantan dan Terengganu.

Ini kerana kemenangan pakatan itu pada pilihan raya umum lalu banyak bergantung kepada simpati pengundi terhadap isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Wan Azizah berkata, Pas tidak melupai jasa Keadilan yang banyak memainkan fungsi sehingga pakatan pembangkang itu memperoleh 44 peratus undi popular walaupun gagal mengatasi penguasaan dua pertiga BN di Parlimen.

Keadilan yang ditubuhkan pada 4 April 1999 mengakui parti berbilang kaum belum berupaya menarik undi bukan Melayu walaupun ada pertambahan undi Cina pada pilihan raya kecil di Indera Kayangan, peti undi di Teluk Kemang dan Lunas sebelum ini.

BN pula dilihat semakin teguh dan diyakini, tambahan pula kebelakangan ini kedudukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang dihormati dan disanjung pada peringkat antarabangsa.

Keadaan ekonomi negara yang semakin pulih, turut menjadikan BN semakin selesa, sebaliknya pakatan pembangkang semakin tidak menentu kerana ketiadaan isu yang boleh dimainkan untuk menarik simpati rakyat.

Sehubungan itu, Dr Wan Azizah mahu Keadilan dan pakatan pembangkang melakukan sesuatu bagi mengatasi masalah itu, termasuk memulihkan imej, meningkatkan persefahaman dan perpaduan dalam parti.

Katanya, isu yang boleh menyekat perpaduan dalam pakatan itu perlu dibereskan segera sebelum menjelang pilihan raya umum nanti, terutama soal pengagihan kerusi.

Peluang pakatan pembangkang tergugat bukan setakat untuk mempertahankan 42 kerusi Parlimen yang dimenangi dalam pilihan raya umum lalu, malah untuk mengekalkan pemerintahan di Terengganu dan Kelantan juga menjadi semakin samar.

Dr Wan Azizah mengakui bukan tugas mudah untuk mengekalkan kemenangan itu, tambahan pula rungutan ahli Keadilan kerana dipinggirkan Pas menjadi semakin ketara terutama di Terengganu dan Kelantan kerana banyak jawatan dimonopoli ahli Pas.

Di Terengganu, hanya Abdul Rahman Yusoff yang mewakili Keadilan di Parlimen, sedangkan kerusi negeri semuanya diberikan kepada Pas.

Ketiadaan Abdul Rahman sebagai Pengerusi Perhubungan Keadilan Terengganu turut dipertikaikan kerana jawatan itu diserahkan kepada muka baru iaitu Mohamad Mohd Amin dari Besut.

Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh, juga dari Besut tidak mengenali Mohamad yang dipilih memimpin Keadilan di Terengganu.

Dr Wan Azizah berharap Keadilan boleh bertapak dan melebarkan pengaruhnya di Terengganu. Atas alasan itu konvensyen dan persidangan perwakilan parti itu di Terengganu.

Disebabkan ketiadaan isu, Keadilan cuba membangkitkan semula kes Anwar agar kembali mendapat simpati rakyat, termasuk mengadakan roadshow untuk menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan membebaskan mereka yang ditahan mengikut akta itu.

Dr Wan Azizah berkata, walaupun Keadilan tidak menerajui pemerintahan kerajaan BA di Terengganu, Pas hendaklah menunjukkan ciri kebersamaan secara jelas bagi meyakinkan rakyat dalam usaha menawan negeri lain.

(END)